



27 NOV, 2020

Peruntukan menurun, MAFI tetap komited laksana Belanjawan 2021

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Peruntukan menurun, MAFI tetap komited laksana Belanjawan 2021

Memastikan sektor agromakanan terus positif di setiap peringkat

Oleh Adriana Mroon Ambrose

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan (MAFI) akan terus memainkan peranan penting dalam melaksanakan Belanjawan 2021 dengan efektif bagi memastikan sektor agromakanan terus positif di setiap peringkat rantaian makanan.

Menteri MAFI, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, peruntukan yang telah diluluskan kepada MAFI ini juga mencukupi bagi tujuan pelaksanaan projek pembangunan sedia ada dan baharu.

“Secara keseluruhannya, peruntukan yang diluluskan hanya menurun sebanyak RM0.10 bilion atau 2 peratus berbanding dengan tahun 2020. Ini melibatkan perbelanjaan mengurus dengan peruntukan yang diluluskan menurun sebanyak RM0.25 bilion atau 7 peratus berbanding tahun 2020.

“Penurunan di bawah perbelanjaan mengurus disebabkan pengurangan terutamanya bagi peruntukan yang melibatkan emolument dan pembelian aset.

“Manakala bagi perbelanjaan pembangunan, peruntukan yang diluluskan bertambah sebanyak RM0.15 bilion atau bersamaan dengan 11 peratus berbanding tahun 2020,” katanya pada Penggulangan Perbahasan Belanjawan 2021 di Dewan Rakyat semalam.

Kiandee berkata, MAFI juga akan meneruskan bantuan, insentif dan subsidi kepada semua pihak berkepentingan (stakeholders) seperti petani, pesawah, nelayan dan penternak pada tahun 2021 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1.57 bilion.

“Ini adalah juga sebagaimana saranan oleh Ahli Parlimen Pasir Salak Datuk



KIANDEE

Sri Tajuddin Abdul Rahman (BN-UMNO), Ahli Parlimen Kangar Noor Amin Ahmad (PH-PKR), Datuk Mohd Nizar Zakaria (BN-UMNO) dan Ahli Parlimen Selangau Baru Bian supaya pelaksanaan program input dan output pertanian bersubsidi berkaitan industri padi dan beras diteruskan pada tahun 2021.

“Subsidi dan Insentif Tanaman Padi berjumlah RM960 juta termasuk Skim Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit / Huma (RM40 juta) dan Subsidi Harga Padi (RM570 juta) kepada pesawah bagi musim penanaman tahun hadapan di seluruh negara tetap diteruskan dalam usaha meningkatkan taraf ekonomi pesawah.

“Keseluruhan subsidi dan insentif bagi sektor padi ini akan memanfaatkan 300,000 pesawah di seluruh negara.

“Selain itu, MAFI akan melantik Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) sebagai pemborong tunggal di bawah program Insentif Benih Padi Sah untuk membuat pembekalan terus kepada pesawah. Mekanisme ini akan dapat menyelesaikan masalah manipulasi dan eksploitasi dalam pembekalan benih padi sah,” katanya.

Menyentuh tentang isu yang dibangkitkan Tajuddin berkenaan isu kadar poto-

“Secara keseluruhannya, peruntukan yang diluluskan hanya menurun sebanyak RM0.10 bilion atau 2 peratus berbanding dengan tahun 2020. Ini melibatkan perbelanjaan mengurus dengan peruntukan yang diluluskan menurun sebanyak RM0.25 bilion atau 7 peratus berbanding tahun 2020.”

Datuk Seri Dr Ronald Kiandee
Menteri MAFI

ngan yang dikenakan dalam pemutuan padi, Kiandee menjelaskan kerajaan telah memperkenalkan Kaedah Pemutuan Sebenar melalui Standard Operating Procedure (SOP) yang telah dibangunkan oleh kementerian dengan kerjasama SIRIM.

“SOP ini adalah bagi memastikan padi yang dijual adalah padi bersih dan berkualiti serta dapat memastikan kerajaan tidak membayar Subsidi Harga Padi berdasarkan padi kasar yang mengandungi segala komponen yang tidak diinginkan dan sekaligus mengelakkan ketirisan pembayaran subsidi kerajaan.

“Semua kilang padi termasuk BERNAS dan swasta perlu melaksanakan pemutuan padi berdasarkan SOP ini,” katanya.

Berbicara lanjut, Kiandee berkata, kadar bantuan Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) telah ditingkatkan kepada RM300 melalui Belanjawan 2021 yang akan memanfaatkan 40,000 nelayan.

“Pada masa yang sama, insentif dan subsidi lain masih terus diberikan kepada masyarakat nelayan seperti Insentif Hasil Tangkapan Ikan, Subsidi Minyak Diesel dan Petrol dan Tabung Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan.

“ESHN ini adalah sebahagian daripada Peruntukan

Mengurus (OE), bukannya melibatkan dana bagi membina jeti seperti yang dinyatakan oleh Ahli Parlimen Port Dickson, Datuk Seri Anwar Ibrahim (PH-PKR),” jelas beliau.

Kiandee turut berkata, beliau maklum bahawa beberapa Ahli Parlimen telah memohon tambahan peruntukan bagi pembaikan ban pertanian, jalan ladang, naik taraf pasar tani, atau permohonan pembinaan jeti baharu, institut latihan baharu, pusat pengumpulan hasil pertanian baharu dan projek jelapang padi di kawasan Parlimen masing-masing.

“MAFI akan memberi pertimbangan sewajarnya berdasarkan keperluan setempat dan juga kemampuan kewangan semasa,” katanya.

Sementara itu, Kiandee berkata, beliau akan mengemukakan jawapan secara bertulis kepada mana-mana pertanyaan Ahli-ahli Parlimen yang tidak dapat dijawab pada sesi perbahasan berikutan waktu penggulangan yang diperuntukkan adalah singkat.

“Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian membahaskan isu-isu yang menyentuh bidang kuasa kementerian ini,” katanya.



27 NOV, 2020

Peruntukan menurun, MAFI tetap komited laksana Belanjawan 2021

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Memastikan sektor agromakanan terus positif di setiap peringkat

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan (MAFI) akan terus memainkan peranan penting dalam melaksanakan Belanjawan 2021 dengan efektif bagi memastikan sektor agromakanan terus positif di setiap peringkat rangkaian makanan. Menteri MAFI, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, peruntukan yang telah diluluskan kepada MAFI ini juga mencukupi bagi tujuan pelaksanaan projek pembangunan sedia ada dan baharu. "Secara keseluruhannya, peruntukan yang diluluskan hanya menurun sebanyak RM0.